

# Majlis Gathering TUDM Di Lubnan

[airforce.mil.my/arkib/arkib/513-majlis-gathering-tudm-di-lubnan](http://airforce.mil.my/arkib/arkib/513-majlis-gathering-tudm-di-lubnan)





LUBNAN, 20 Januari 2016 – Seramai 5 orang pegawai dan 86 anggota TUDM telah terpilih menganggotai MALBATT 850-3 bagi meneruskan tugas misi pengaman UNIFIL Lubnan yang telah mengambil alih tugas secara rasmi dari MALBATT 850-2 pada 14 Sep 15 di Kem Ma'arakah Lubnan. Pegawai dan anggota TUDM terpilih ini telah mendapat kepercayaan menjawat pelbagai jawatan demi meneruskan kecemerlangan organisasi MALBATT 850-3 dimata dunia.

Keupayaan dan kesiapsiagaan anggota dan pegawai TUDM tidak dapat dinafikan apabila berjaya memberi komitmen yang tinggi dan sentiasa mendapat kepercayaan Komander MALBATT 850-3 Kol Engr Reizal Arif bin Tan Sri Ismail dalam melaksanakan tugas selama 4 bulan di bumi Lubnan.

Bagi mengeratkan hubungan di antara anggota TUDM bersama kepimpinan MALBATT 850-3, satu majlis *Gathering* telah dilaksanakan di *Peacekeeper's Club*, Kem Ma'arakah.

Majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan Komander Lt Kol Wan Mohd Faisal Shahrin bin W Mohamad Fablillah serta beberapa jemputan yang lain telah mengumpulkan semua anggota TUDM termasuk anggota yang berada di luar Kem Ma'arakah. Lt Kol Baharudin bin Abu Hassan TUDM selaku Ketua Kontijen TUDM telah mengambil kesempatan menyampaikan maklumat terkini dari pucuk pimpinan TUDM kepada semua pegawai dan anggota yang hadir.